

Lawatan Najib ke China akan Perkukuh Dagangan Dua Hala, Kata Duta Besar China Bernama
Mei 22, 2014

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke China minggu depan akan meningkatkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara kepada kejayaan 40 tahun 'berlian' akan datang, kata Duta Besar China ke Malaysia Huang Huikang.

Beliau berkata lawatan itu akan terus mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara, selaras dengan hasrat China-Malaysia untuk merealisasikan dagangan dua hala bernilai US\$160 bilion pada 2017.

"Empat dekad yang lepas merupakan 40 tahun emas dari segi hubungan dua hala.

"Kami mahu menetapkan sasaran baharu, meningkatkan kerjasama ke tahap tinggi baharu dan kerjasama yang berkekalan. Empat puluh tahun akan datang bakal menjadi hubungan berlian dua hala 40 tahun," katanya kepada pemberita pada taklimat sempena Sambutan Ulang Tahun ke-40 hubungan diplomatik antara China dan Malaysia.

Najib akan melawat ekonomi kedua terbesar di dunia itu selama enam hari mulai 27 Mei di Wilayah Xian dan berakhir pada 1 Jun di Beijing.

Huang berkata kerajaan China sudah bekerja keras dan memberi tumpuan ke atas lawatan itu memandangkan China menganggap kunjungan itu sebagai sasaran baharu dalam meningkatkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara

"Lawatan Najib merupakan kunjungan muhibah, perjalanan bagi kerjasama dan persahabatan. Kami (China) dan Malaysia sudah bersedia untuk melangkah ke masa depan yang lebih cerah," kata dan menambah, lawatan itu akan melakarkan satu lagi sejarah negara.

Beliau berkata Najib telah mengikuti langkah bapanya, perdana menteri Malaysia kedua, Tun Abdul Razak, menjadikan China sebagai rakan rapat.

Huang berkata hubungan Malaysia dan China sejak 40 tahun lepas dibangunkan atas kepercayaan dan pemahaman dalam banyak bidang termasuk ekonomi dan politik.

"Kami akan terus meningkatkan persefahaman dan memperkukuh persahabatan secara lebih menyeluruh, selain berkongsi matlamat dan kepentingan bersama," katanya.

Huang berkata hubungan Malaysia-China bermula 40 tahun lepas dengan hubungan dagangan dua hala ketika itu hanya bernilai kurang daripada US\$200 juta.

Sehingga akhir tahun lepas, beliau berkata dagangan dua hala meningkat lebih 500 kali kepada lebih US\$100 bilion, membangunkan asas yang kukuh antara kedua-dua negara dalam bidang perdagangan, pelaburan, kewangan dan teknologi tinggi.

Untuk masa hadapan, beliau berkata China mahu mengambil bahagian secara aktif dalam sektor pembinaan di Malaysia, meluaskan skop perdagangan dan pada masa yang sama membawa lebih banyak pelaburan ke negara ini.

Beliau berkata China juga mengenal pasti bidang ekonomi seperti sumber asli, teknologi tinggi dan ICT untuk diperkukuh.

Sempena kunjungan itu, beliau berkata Najib akan menjadi tuan rumah sidang kemuncak ekonomi yang akan dihadiri ahli perniagaan China bagi meningkatkan lagi kerjasama ekonomi.

Sementara itu, Huang berkata Perdana Menteri itu juga akan menjalin perjanjian baharu dalam industri pertahanan selain memperkukuh kerjasama dalam penguatkuasaan undang-undang kedua-dua negara.

Ini katanya bertujuan memastikan keselamatan orang ramai yang berkunjung ke Malaysia dan China serta pelajar yang menuntut pelajaran di universiti di kedua-dua negara.

Kini terdapat kira-kira 10,000 pelajar China di Malaysia dan lebih 6,000 pelajar Malaysia di China

Malaysia merupakan negara pertama di Asia Tenggara yang menjalin hubungan diplomatik dengan China pada 1974.

Sejak 40 tahun lepas, hubungan dua hala dipertingkat menerusi kunjungan pegawai tertinggi kedua-dua pihak selain mengukuhkan kepercayaan strategik.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1040499>